

## PERSEPSI PELAJAR 3 SPI TERHADAP PERANAN MASJID DARI SUDUT PENDIDIKAN DALAM MASYARAKAT ISLAM

Mohd Ismail Bin Mustari & Norshaiful Azhar Bin Mohammat Nor  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui persepsi, langkah-langkah dan penglibatan pelajar di dalam aktiviti yang berkaitan dengan masjid. Responden kajian ini adalah pelajar tahun 3 kursus Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam), UTM sesi 2008/2009 iaitu seramai 40 orang responden. Sebanyak 60 item soalan telah dibina dan instrument kajian yang digunakan ialah soal selidik. Analisis deskriptif dibuat untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science version 14.0 for Window. Nilai kebolehpercayaan ialah  $\alpha = 0.860$ . Analisis kajian mendapati 99.5 % responden bersetuju dengan peranan masjid dari sudut pendidikan dengan purata min 4.58. Manakala 98.5 % responden bersetuju dengan langkah untuk menarik minat masyarakat ke masjid dengan purata min 4.45. Sementara 87.8 % responden terlibat dengan aktiviti yang dijalankan oleh pihak masjid dengan purata min 3.38. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati pihak masjid telah memainkan peranan yang cukup baik dalam mengimarahkan masjid dari sudut pendidikan selaras dengan kehendak masyarakat kini.

**Abstract:** This research is to determine the perception of involving student and step to interact in mosque activities. The respondents of this research are the 3rd year Bachelor of Science with Education students majoring in Islamic studies for the 2008/2009 session which consist of 40 students. A set of questionnaire comprising 60 questions were distributed and methodology used for this research is a questionnaire method. The descriptive analysis was carried out to find the frequency, percentage and mean by using the Statistical Package for Social Science version 14.0 for Windows. Reliability value of the research instrument is  $\alpha = 0.860$ . The data analysis shows that 99.5 % agreed with the mosque role from the education angle with mean 4.58. However, 98.5 % of the respondent agreed with the steps to encourage society to the mosque with mean 4.45. Meanwhile, 87.8 % respondent involved with activities organized by the mosque with mean 3.38. Overall, the result shows the mosque play their role to attract society to the mosque from the education angle consist with human needed.

*Katakunci:* islam, pendidikan, peranan masjid

### Pengenalan

Al-Quran telah berulang-ulang kali menyeru seluruh muslim untuk memikirkan dan belajar tentang ilmu-ilmu yang boleh membawa mereka lebih dekat kepada Allah S.W.T. dan makhluk ciptaan-Nya. Al Quran menggunakan perkataan yang berulang-ulang untuk menekankan beberapa kata kunci disamping membangkitkan rasa kesedaran kepada pendengar-pendengarnya. Perkataan Allah S.W.T telah diulang sebanyak 2,800 kali dan perkataan Rab telah diulang sebanyak 950 kali di dalam Al Quran, manakala perkataan ilmu telah di ulang sebanyak 750 kali. Dalam ketiga-tiga perkataan di atas perkataan ilmu adalah perkataan yang kerap diulang-ulang sehingga diulang beratus kali di dalam Al-Quran. Oleh hal yang demikian, Al-Quran menjelaskan kepentingan berilmu adalah sangat dituntut bagi setiap umat Islam untuk menjadi umat yang terbaik di sisi Allah S.W.T.

## **Penyataan masalah**

Masyarakat Islam memperoleh kekuatan dan penyatuan dengan berpegang kepada peraturan Islam, akidah dan adab-adabnya. Semua itu terhasil dari roh masjid yang berada dalam diri setiap orang muslim. Sesungguhnya apabila masjid kita sudah tidak mempunyai roh lagi, maka masjid akan diperlakukan oleh orang lain mengikut sesuka hati mereka. Mereka berkemungkinan akan meruntuhkan, lalu menukarkannya menjadi tempat pemuas nafsu mereka. (Nasoha Saabin: 2001). Terdapat beberapa masjid di negara-negara bekas pengaruh komunis yang telah bertukar menjadi panggung wayang dan tempat pentas drama.

Segelintir masjid di Malaysia pada masa kini hanyalah digunakan untuk mendirikan solat berjemaah lima waktu, solat Jumaat dan solat kedua-dua hari raya. Sekali-sekala diadakan majlis ilmu antara waktu maghrib dan isyak. Masjid kini makin dilupakan oleh masyarakat terhadap kepentingan fungsi dan peranannya. Masyarakat lebih memandangkan masjid hanya sebuah tempat untuk beribadat seperti solat Jumaat dan perayaan-perayaan tertentu sahaja, tetapi tidak memandangkan apakah peranan masjid yang sebenarnya. Jika dilihat semula, skop dan peranan masjid adalah lebih luas dari tempat beribadat semata-mata kerana masjid menjadi nadi gerakan Islam dan penggerak kegiatan masyarakat, pusat menuntut hak dan keadilan, markas ketenteraan, pusat kebajikan, dan gudang ilmu pengetahuan (Norrodzoh (ed.), 2003; 103) dalam Islam Hadhari "Kekuatan masjid dalam menjana masyarakat gemilang".

Memandangkan penguasaan ilmu di kalangan umat Islam kini masih rendah, maka tidak hairanlah tamadun Islam tidak berada pada tahap yang disegani dan dihormati sebagaimana dikecapi pada masa lalu. Malah, masjid yang ketiga sucinya dalam Islam iaitu Masjid Al-Aqsa di bumi Palestin kini dikuasai Yahudi. Oleh itu, marilah kita renung kembali akan apa yang patut kita lakukan bagi meninggikan kembali martabat dan maruah umat Islam. (Utusan Malaysia 17.5.2004).

Jika kita melihat perkembangan hari ini hatta dari zaman Rasulullah s.a.w., masjid dan ilmu sangat berhubung rapat antara satu sama lain dan tidak dapat dipisahkan. Tetapi apa yang terjadi kini masjid tidak lagi dijadikan sebagai pusat perkembangan ilmu seperti peranan masjid yang sebenarnya. Nasoha Saabin (2001:9), penggunaan masjid sebagai pusat ilmu tidak lagi dimanfaatkan semaksimumnya oleh masyarakat kini. Buktinya, kita dapat melihat kehadiran jemaah untuk mendirikan solat berjemaah lima waktu dan menghadiri majlis ilmu, terdiri daripada golongan tua yang telah bersara. Inilah hakikat yang berlaku di sesetengah masjid Malaysia dan negara Islam lain. Ternyata jauh berbeza dengan apa yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat.

## **Objektif kajian**

1. Menenalpasti persepsi mahasiswa 3 SPI terhadap peranan masjid dari sudut pendidikan.
2. Menenalpasti langkah-langkah untuk menarik masyarakat ke masjid.
3. Menenalpasti penglibatan pelajar 3 SPI dalam menyertai program dan aktiviti yang dijalankan oleh masjid

## **Kepentingan kajian**

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana peranan masjid dari sudut pendidikan dalam masyarakat Islam. Melalui kajian seperti ini, kita dapat melihat peranan masjid dalam masyarakat Islam khususnya pelajar 3 SPI. Selain itu kajian ini membolehkan para pelajar mendapat pendedahan dari sudut yang positif dan dapat mengawal kemasukan pengaruh negatif melalui peranan masjid dalam pendidikan.

Kajian ini tertumpu kepada pelajar tahun 3 Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) Fakulti Pendidikan UTM. Sehubungan itu, kajian ini diharapkan dapat bermanfaat untuk:

1. Pihak pentadbiran masjid menghidupkan kembali institusi masjid sebagai pusat ilmu di dalam masyarakat kita.
2. Memberi kemudahan kepada pihak masjid untuk mencari pendekatan yang terbaik bagi menarik minat setiap lapisan masyarakat kembali bertunjangkan masjid.
3. Kembali menjadikan masjid sebagai tempat meningkatkan potensi diri dan menyuburkan modal insan.
4. Pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan pihak pengurusan Masjid Sultan Ismail (MSI) meneruskan peranan dalam memperbanyakkan lagi program dan aktiviti yang berkonsepkan akedemik kepada pelajar dan masyarakat sekeliling.

### **Skop kajian**

Kajian ini tertumpu kepada pelajar SPI mengenai peranan masjid dari sudut pendidikan dalam masyarakat Islam. Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelajar 3 SPI iaitu seramai 42 orang. Kajian ini memfokuskan kepada persepsi pelajar tentang peranan masjid dan keberkesanan dari pendidikan melalui masjid.

### **Metodologi**

#### **Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar tahun 3 Sarjana Muda Sains serta Pendidikan Pengajian Islam (SPI) 2008/2009. Pemilihan sampel diambil hanya pada pelajar tahun 3 SPI sahaja. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), 30 peratus daripada jumlah populasi sudah mencukupi untuk dijadikan sampel kajian. Walaubagaimanapun, penyelidik mengedarkan soal selidik kepada semua pelajar tahun 3 SPI kerana penyelidik mengambil seluruh populasi sebagai sampel kajian.

Dalam kajian ini penyelidik memilih sampel seramai 17 orang pelajar lelaki dan 23 orang pelajar perempuan yang melebihi 95 peratus jumlah populasi yang ada. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999: 38) lebih besar saiz sampel adalah lebih baik kerana penyelidik mempunyai lebih kemungkinan untuk memilih sampel yang mempunyai ciri-ciri populasi. Pemilihan sampel dilakukan secara berkelompok yang terdiri daripada lelaki dan perempuan pelajar tahun 3 SPI.

#### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian merupakan alat penting untuk memperolehi maklumat bagi mencapai objektif kajian. Instrumen kajian juga menentukan jenis data yang diperolehi dan ini mempengaruhi jenis analisis penyelidik. Soal selidik telah dibina sendiri oleh penyelidik dan diubah suai dari penyelidik terdahulu serta menjurus kepada objektif kajian yang telah ditetapkan. Menurut Mohd. Majid Konting (1994:202) soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan di dalam penyelidikan pendidikan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya.

Soal selidik yang dibina mengandungi empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian A mengandungi soalan jenis jawapan terpilih yang terdiri daripada soalan-soalan berkaitan dengan maklumat latar belakang responden dan data dikategorikan sebagai data jenis nominal. Dalam bahagian

B, C dan D penyelidik menggunakan skala likert yang membolehkan responden memilih jawapan berdasarkan lima skala persetujuan yang disediakan.

Secara keseluruhannya, bilangan item bagi bahagian B, C dan D adalah berdasarkan objektif kajian yang meliputi persepsi dan pengetahuan serta penglibatan pelajar 3 SPI terhadap peranan masjid dari sudut pendidikan.

### **Kajian Rintis**

Kajian rintis ialah kajian awal yang dijalankan sebelum menjalankan kajian sebenar. Menurut Mohd Majid Konting tujuan kajian rintis dilakukan ialah untuk menguji tahap kesahan dan kebolehpercayaan item-item soal selidik. Namun, perlu menjalankan langkah-langkah tertentu untuk memastikan soal selidik berada pada tahap kesahan yang tinggi. (Mohamad Najib Abdul Ghafar 1999:99). Penyelidik telah memilih secara rawak 10 orang responden dari pelajar tahun 2 SPI sesi 2008/2009 sebagai sampel kajian rintis. Nilai kebolehpercayaan yang diperolehi pula ialah 0.860.

### **Perbincangan**

Berdasarkan pernyataan dalam bab ini, penganalisaan data yang dilakukan telah dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D. dalam bahagian A, dapatan yang dianalisis adalah berkaitan dengan latar belakang responden. Manakala bahagian B, C dan D pula mengkhususkan kepada tahap pengetahuan responden, langkah-langkah menarik masyarakat ke masjid dan pengimarahannya serta penglibatan pelajar di dalam aktiviti keilmuan di masjid.

Satu set soal selidik telah diedarkan kepada 40 pelajar tahun tiga SPI, UTM Skudai. Soal selidik ini mengandungi empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Perbincangan ini merujuk kepada persoalan kajian yang telah dinyatakan dalam Bab 1 iaitu untuk mengenalpasti persepsi mahasiswa 3 SPI terhadap peranan masjid dari sudut pendidikan, mengenalpasti langkah-langkah untuk menarik masyarakat ke masjid dan mengenalpasti sejauhmana penglibatan pelajar SPI dalam menyertai program yang dijalankan oleh masjid.

### **Perbincangan Bahagian A: Analisis Latar Belakang Responden**

Maklumat latar belakang responden yang pertama ialah jantina dan kajian ini dijalankan ke atas pelajar tahun tiga kursus Sarjana Muda Pendidikan Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam), UTM Skudai. Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 40 orang yang terdiri daripada 17 orang pelajar (42.5 %) lelaki dan 23 orang pelajar (57.5 %) perempuan. Dapatan menunjukkan pelajar perempuan lebih ramai daripada pelajar lelaki. Walaubagaimanapun, pelajar lelaki dan perempuan tahun 3 SPI sesi 2008/2009 lebih seimbang dari segi jumlahnya dengan pelajar SPI tahun yang lain.

Analisis seterusnya adalah berkaitan dengan taburan responden mengikut umur. Majoriti responden iaitu seramai 21 orang (52.5 %) yang berumur 23 hingga 25 tahun. Sementara itu, responden yang berumur dalam lingkungan 20 hingga 22 tahun terdiri daripada 17 orang (42.5 %). Manakala hanya dua sahaja responden yang berumur 26 tahun ke atas (5.0 %). Ini jelas menunjukkan bahawa majoriti pelajar berada dalam golongan muda belia yang akan menjadi pemimpin di masa akan datang. Golongan ini mempunyai kekuatan fizikal, ketajaman fikiran untuk mengkaji dan mencipta, kemampuan dan kesanggupan mencuba.

Selain itu, kajian ini juga meninjau tahap pendidikan terakhir responden sebelum memasuki UTM. Hasil analisis menunjukkan bahawa lebih dari separuh responden terdiri daripada pelajar lepasan STAM iaitu sebanyak 67.5 %. Manakala sebanyak 17.5 % adalah pelajar lepasan STPM, sementara 12.5 % dari

lepasan diploma dan seorang sahaja (2.5 %) dari lepasan matrikulasi. Penyelidik berpendapat item ini adalah perlu bagi melihat tahap pendidikan agama responden sebelum memasuki UTM.

Akhir sekali, penyelidik ingin mengetahui respon awal responden tentang keperluan mereka terhadap masjid di dalam diri masing-masing. Hasil daripada analisis menunjukkan 95.0 % responden menyatakan sangat perlu kepada masjid dan hanya dua orang sahaja (5.0 %) yang beranggapan masjid ini sekadar perlu. Dari dapatan ini, jelas kita dapat melihat betapa pentingnya masjid kepada mahasiswa terutamanya golongan belia bagi memperkukuhkan kesatuan, keilmuan dan keimanan. Perkara ini amat bertepatan dengan satu pendapat yang dinyatakan oleh Dr. Adel M. Abdul Aziz, Ahmad Kamel Mohammed dan Nidzamuddin Zakaria di dalam prosiding seminar kebangsaan pengurusan masjid 2007 yang bertajuk “Kepentingan dan peranan masjid dari sudut pendidikan dalam masyarakat Islam”.

### **Mengenalpasti Persepsi Mahasiswa 3 SPI Terhadap Peranan Masjid Dari Sudut Pendidikan**

Objektif pertama dalam kajian ini adalah untuk mengenalpasti persepsi mahasiswa 3 SPI terhadap peranan masjid dari sudut pendidikan. Objektif ini dibina sebanyak 20 item untuk mengkaji persoalan kajian ini. Berdasarkan hasil daripada analisis yang diperolehi, responden bersetuju terhadap bentuk pelaksanaan program ilmiah dan mempunyai persepsi yang positif terhadap peranan masjid dari sudut pendidikan. Nilai min bagi keseluruhan item dalam bahagian ini adalah 4.58.

Analisis keseluruhan bagi objektif pertama ini menunjukkan item yang ketujuh mencatatkan min tertinggi dengan 4.87 berbanding dengan item-item yang lain. Majoriti pelajar sangat bersetuju bahawa mereka amat memerlukan ilmu-ilmu berkaitan keagamaan untuk memantapkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T. Secara umumnya manusia sangat memerlukan kepada ilmu keagamaan sebagai memenuhi tuntutan sebagai seorang hamba. Menurut Dr. Syahminan Zaini (1986: 96), Muhammad Abduh dalam tafsirnya “Al Manar” mentafsirkan ayat 172 surah al-A’raf. Ayat ini antara lain menyatakan bahawa manusia telah diciptakan atas dasar fitrah Islam dan jiwa manusia telah disiapkan akan gharizah iman oleh Allah.

Persoalan kajian yang pertama ini membawa kita menyelami tentang peranan masjid bagi pembangunan diri dan masyarakat sekeliling. Hasil dari analisis, responden bersetuju dengan peranan masjid merupakan sebuah institusi yang dapat memberi inspirasi dan nilai tambah kepada pembangunan sendiri. Di samping itu masjid memberi penekanan kepada pembangunan ummah terutamanya golongan remaja Islam, penyatuan masyarakat setempat dalam konteks untuk meningkatkan kemahiran berakhlak serta sosial. Jelas di sini 100 % responden bersetuju dengan item-item yang diketengahkan. Menurut Hasan Bahrom dalam pembentangannya bertajuk “Menjana sumber keewangan masjid pemangkin pembangunan ekonomi ummah” (2007), menyatakan bahawa masjid adalah institusi penting dalam masyarakat, masjid bukan sahaja institusi ibadat khusus namun peranannya lebih besar dan penting dalam masyarakat iaitu sebagai institusi akar umbi gerakan masyarakat. Secara keseluruhannya masjid sangat berperanan untuk meningkatkan dari sudut pendidikan, keimanan dan pembangunan kesatuan masyarakat.

Responden juga menyatakan kesesuaian program-program ilmiah yang dianjurkan oleh masjid dan bersetuju. Perkembangan ini adalah sesuatu yang positif ke arah menghidupkan program serta memakmurkan institusi masjid kini. Ini bersesuaian dengan peranan masjid itu sendiri, sebagaimana yang dinyatakan oleh Nasoha Saabin (2001: 8), masjid yang dibina adalah untuk dimakmurkan bagi memperingat Allah S.W.T. Program dan aktiviti yang dijalankan mengambil kira kelapangan waktu masyarakat bagi menggalakkan lebih ramai penyertaan di dalam satu-satu program. 95.0 % daripada responden bersetuju dengan kefahaman oleh pihak masjid dari sudut pengurusan masa. Kenyataan ini bertepatan dengan kajian yang dibuat oleh Anisah Mat Soh (2002). Responden juga berpuas hati dengan perkembangan dari sudut pendidikan, baik dari sudut kualiti dan kuantiti. Sementara program yang

dianjurkan juga bertambah dan bersifat semasa serta mengikut keperluan seperti kelas tarannum, kelas tafsir dan hafazan.

Aspek seterusnya yang ditekankan dalam objektif pertama ini ialah berkaitan skop pengisian. Kebanyakan responden bersetuju bahawa skop pengisian yang dijalankan adalah mencakupi ruang yang luas. 97.5 % responden bersetuju bahawa silibus kuliah yang disampaikan harus digubal dari masa ke masa dan min dari item ini ialah 4.67. Dapatan kajian ini sedikit bertentangan dengan kajian Esa Kassim (1989). Beliau menyatakan skop bidang ilmu adalah terhad, ini kerana hanya orang-orang yang berkecukupan atau yang mendapat tauliah daripada Jabatan Agama Islam sahaja dibenarkan menyampaikan ilmu. Penyelidik bersetuju dan menyokong melalui hasil kajian yang dijalankan oleh Kamal Hadi (2004) yang mendapati bahawa nilai min yang diperolehi dari aspek ini ialah 4.06 iaitu berkenaan dengan sukatan kuliah agama harus diubah dari semasa ke semasa.

### **Langkah-Langkah Untuk Menarik Minat Masyarakat Ke Masjid**

Objektif kedua kajian ini adalah bagi mengenalpasti langkah-langkah untuk menarik minat masyarakat ke masjid. Seperti objektif pertama, sebanyak 20 item juga telah dibina untuk mengkaji persoalan kajian ini. Berdasarkan hasil daripada analisis yang diperolehi, responden berpendapat kehadiran penceramah profesional di masjid dapat menambah minat masyarakat untuk menyertai setiap program yang dianjurkan masjid. Responden memberi reaksi yang positif dengan langkah-langkah menarik minat masyarakat ke masjid. Nilai min bagi keseluruhan item di bahagian ini ialah 4.45.

Dapatan hasil analisis dari seluruh objektif kedua, nilai min tertinggi adalah 4.73 pada item 22. Manakala item 29 merupakan min terendah dalam keseluruhan item bahagian ini iaitu 3.87. Justeru, bahagian ini mengkaji mengkhususkan kepada persekitaran, perkhidmatan dan prasarana masjid meliputi ruang kawasan, kelengkapan, kedudukan masjid dan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak masjid. Daripada hasil analisis menunjukkan bahawa masjid sememangnya telah dijadikan sebagai tempat istimewa bagi orang Islam dan menjadi lambang kepada kekuatan dan perpaduan umat Islam. 97.5 % daripada responden bersetuju menyatakan bahawa kedudukan masjid berada di kawasan yang menjadi tumpuan masyarakat. Manakala min bagi item ini merupakan antara min yang tertinggi iaitu 4.65. Begitu juga dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Anisah Mat Soh (2002) menyatakan masjid berada di tempat tumpuan masyarakat.

Hasil kajian juga menunjukkan langkah-langkah menyediakan prasarana yang lengkap juga menyumbang kepada pengimarahkan masjid oleh orang ramai. 97.5 % daripada responden bersetuju bahawa penggunaan alatan moden dalam persembahan pengajaran semasa kuliah dapat menarik minat orang ramai mengikuti program masjid dengan minnya 4.65. Hal ini bertepatan dengan Norhaslida Hassan dalam kajian beliau "Persepsi pelajar Islam fakulti pendidikan (UTM) terhadap program ilmiah di masjid Sultan Ismail UTM, Skudai".

Keputusan kajian ini mendapati perkhidmatan yang diberikan oleh pihak masjid mendapat sambutan baik daripada responden. Perkhidmatan kebajikan seperti khidmat perubatan Islam dan khidmat kaunseling membawa kepada 95.0 % daripada responden bersetuju dengan item ini. Min daripadanya ialah 4.45. Perkhidmatan yang berasaskan kebajikan adalah satu bentuk cara bagi menarik orang ramai ke masjid. Kemudahan-kemudahan umum seperti mesin pengeluaran wang (mesin ATM) dan kemudahan untuk mengakses internet tanpa wayar (wireless) merupakan salah satu langkah yang berpotensi untuk mengimarahkan institusi masjid sebagai pusat masyarakat. Menurut Mohd Yusof Din dan Azhana Abdul Mutalib (1997: 10) menyatakan langkah-langkah yang perlu diambil dalam mempersiapkan institusi masjid yang futuristik dalam menunaikan tuntutan masa kini bagi menghadapi tuntutan masa hadapan.

Langkah pihak pengurusan dan pentadbiran masjid yang teratur membawa kepada dapatan yang positif dari responden. Penyelidik mendapati 97.5% daripada responden bersetuju dengan pihak pengurusan masjid telah menyelenggarakan masjid dengan sistematik. Min daripada item ini ialah 4.52. Responden juga bersetuju dengan keperihatinan, pemilihan penceramah, penerangan terhadap aktiviti dan program adalah bersifat jelas dan berkesan untuk pengetahuan masyarakat serta cara penyebaran ilmu pendidikan yang disukai masyarakat. Hal ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Anisah Mat Soh dalam kajian bertajuk “Perlaksanaan program mengimarahkan masjid: Satu kajian di masjid Sultan Ismail, Universiti Teknologi Malaysia”, mendapati 81.08 % responden bersetuju dengan pengurusan masjid yang baik.

Walau bagaimanapun, 32.5 % daripada responden kurang bersetuju dengan kemudahan untuk mendapatkan bahan rujukan di bilik bacaan yang disediakan oleh pihak masjid. Mengikut kajian yang dijalankan oleh Anisah Mat Soh (2002), penyelidik mendapati 62.0 % daripada responden kurang bersetuju dengan penggunaan bilik bacaan di masjid. Begitu juga dengan penyediaan cafeteria bagi kemudahan masyarakat. Hanya 67.5 % daripada responden sahaja yang bersetuju dengan kemudahan tersebut. Min bagi kenyataan di atas ialah 4.00 dan 3.87. Keduadua item ini merupakan item yang paling rendah nilai minnya dalam bahagian persoalan kajian kedua.

### **Penglibatan Pelajar 3 SPI Dalam Menyertai Program dan Aktiviti Yang Dijalankan Oleh Masjid.**

Objektif ketiga kajian adalah untuk mengenalpasti penglibatan pelajar SPI dalam menyertai program yang dijalankan oleh pihak masjid. Daripada dapatan kajian, penyelidik mendapati min keseluruhan item daripada bahagian ini ialah 3.38. Manakala min yang tertinggi dalam persoalan kajian ini ialah pada item 44. item ini mencatatkan min setinggi 3.95. Manakala min yang terendah dalam persoalan kajian ini ialah 2.63 pada item 51. Hampir keseluruhan responden memberi reaksi yang sederhana atau neutral terhadap penglibatan pelajar dalam menyertai program anjuran masjid.

Hasil dapatan analisis, 77.5 % responden bersetuju menyatakan mereka menghadiri setiap program ceramah agama yang diadakan oleh pihak masjid. Item ini merupakan min tertinggi dengan 3.95 dalam keseluruhan persoalan bahagian ini. Sementara 22.5 % lagi berpendirian kurang setuju dan tidak bersetuju. Ia bertepatan dengan kajian Norhaslida Hassan (2007) dengan dapatan sebanyak 91.2 % bersetuju berkaitan kenyataan “Program ilmiah dilaksanakan dalam pelbagai bentuk seperti kursus, seminar dan ceramah”. Manakala pada item 51 dengan kenyataan “Jika saya mempunyai masalah pelajaran atau peribadi, saya akan mendapatkan perkhidmatan kaunseling dari pihak masjid”, 82.5 % daripada responden kurang bersetuju dan tidak setuju. Hanya 17.5 % sahaja yang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Item ini merupakan dapatan min yang terendah dalam persoalan kajian.

Hasil daripada kajian, penglibatan pelajar dengan institusi masjid dari sudut penganjuran masjid dan penglibatan secara individu atau secara sukarela mengikut keperluan masing-masing. Kurang daripada sebahagian responden iaitu sebanyak 37.5 % menyatakan mereka bersetuju dengan penglibatan di dalam kursus seperti kursus haji dan umrah. Manakala hanya 47.5 % responden bersetuju dengan aktiviti keilmuan seperti ceramah agama dan kelas fiqh serta tafsir. Selebihnya berpendirian kurang setuju dan tidak setuju.

Selain itu, dapatan analisis penglibatan pelajar secara sukarela mengikut keperluan masing-masing, 77.5 % responden lebih bersetuju ke masjid untuk menunaikan solat fardhu berjemaah. Responden lebih menggemari mengunjungi masjid dengan majlis berbuka puasa, beriktikaf, melakukan amalan berbentuk kerohanian dan berasa lebih selesa mengulang-kaji pelajaran di masjid. Berdasarkan firman Allah S.W.T.

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ  
وَأَتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ  
الْمُهْتَدِينَ

Maksudnya: “Hanya yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari Kemudian, serta tetap mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada siapa pun) selain kepada Allah, Maka merekalah orang-orang yang diharapkan termasuk golongan orang-orang yang mendapat petunjuk.”

(Surah at-Taubah, 9: 18)

Berdasarkan ayat yang diutarakan ini, dapat disimpulkan bahawa hanya orang Islam sahaja yang selayaknya memakmurkan masjid itu sendiri. Maka orang yang dapat memakmurkan masjid itu adalah orang-orang yang beriman dengan menunaikan solat, membayar zakat dan tidak takut akan sesuatu selain Allah S.W.T. Seterusnya orang-orang yang memakmurkan masjid itu dijamin oleh Allah akan selalu memperoleh hidayah Allah S.W.T. Maka bertepatan dengan item yang dianalisis seperti di atas. Min bagi item ini ialah 3.92.

### Rumusan

Oleh hal yang demikian, penyelidik telah mengenalpasti perkara-perkara yang perlu diberi perhatian sewajarnya oleh semua pihak terlibat. Rumusan dibuat adalah berdasarkan kepada dapatan yang diperolehi dari bab empat. Rumusan yang dihasilkan adalah untuk memberi fokus kepada 3 persoalan kajian seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Persepsi mahasiswa 3 SPI terhadap peranan masjid dari sudut pendidikan adalah berada pada tahap yang tinggi. Dapatan hasil analisis telah membuktikan dengan min keseluruhan yang tertinggi dari bahagian B iaitu 4.58. Namun demikian dari sudut penggunaan bilik bacaan masjid bagi tujuan rujukan masyarakat perlulah dilihat dan dikaji semula untuk ditingkatkan kepada tahap yang lebih baik. Hal ini kerana nilai min keseluruhannya merupakan min paling rendah berbanding item yang lain iaitu 3.95 daripada keseluruhan aspek dalam objektif yang pertama.

Manakala bagi langkah untuk menarik minat masyarakat ke masjid juga menunjukkan perkembangan positif dan minnya keseluruhan berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.45. Dari sudut pengembangan ilmu di masjid dapatan kajian menunjukkan langkah yang efektif, tetapi dari sudut perkhidmatan masjid yang diketengahkan oleh penyelidik masih terdapat kekurangan seperti perkhidmatan bahan bacaan, khidmat perubatan Islam, kemudahan komputer termasuk internet dan lain-lain lagi. Walaubagaimanapun, keseluruhan min dari persoalan bahagian ini masih lagi berada pada tahap yang tinggi dan positif.

Selain itu, bagi penglibatan pelajar 3 SPI dalam menyertai program dan aktiviti yang dijalankan oleh pihak masjid pula menunjukkan purata min yang sederhana. Bagi min keseluruhan persoalan kajian bahagian ini ialah 3.38. Secara keseluruhannya, penglibatan pelajar di dalam setiap program yang dianjurkan oleh masjid secara langsung dan penglibatan secara tidak langsung masih berada pada tahap yang kurang menggalakkan. Justeru, kerjasama dan kesedaran daripada pelajar perlu ditingkatkan bagi melibatkan diri di dalam mengimarahkan institusi masjid khususnya.



## Rujukan

- Abdullah Basmeih (1977). *Kedudukan Masjid Dalam Islam*. Pusat Penyelidikan Islam, Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri.
- Abdul Ghafar Haji Don dan Kamaruzzaman Yusof (1999). Peranan Masjid Dalam Gerakan Siasah Islami. *Seminar Membudayakan Masjid Peringkat Kebangsaan*. 1-12.
- Abdul Karim Zaidan (2002). *Islam Dan Dakwah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Ahmad Zahidi Lit (1999). *Kaedah Pengajian di Masjid: Satu Kajian di Empat Buah Masjid di Daerah Taiping, Perak*. Universiti Teknologi Malaysia: Tidak Diterbitkan.
- 'Aidh Abdullah Al-Qarni (2007). *Menjadi umat yang Berjaya membangunkan masyarakat ideal*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise
- Al-Imam Muslim (2003). *Terjemahan Hadis Sahih Muslim* Jilid I, II, III, IV, Singapore: Darel Fajr Publishing House. Al-Quran Dan Terjemahan Pimpinan Ar-Rahman, JPM Kuala Lumpur
- Anisah Mat Soh (2002). *Pelaksanaan Program Mengimarahkan Masjid Satu Kajian di Masjid Sultan Ismail Universiti Teknologi Malaysia (UTM)*. Universiti Teknologi Malaysia: Tidak Diterbitkan.
- Datuk Abdul Aziz Bin Ahmad (2000). *"Kamus Za'aba"*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn.Bhd.
- Dr. Sidi Gazalba (1975). *Masjid Pusat Ibadat Dan Kebudayaan Islam*. Jakarta, Pustaka Antara Sdn.Bhd.
- Faizal bin Ahmad (2002). *Peranan Institusi Masjid Dalam Proses Pembangunan Ummah: Kajian Kes Di Kulim, Kedah Daual Aman*.
- HM Khairuddin Aman Razali at-Takiri (2006). *Perspektif Islam Terhadap Fungsi Masjid, Perpaduan, Jihad, Peperangan, Jenayah, Rogol, Kemiskinan, Poligami dan Musibah*, Darul Fuqaha.
- Islam Hadhari: Kekuatan Masjid Dalam Menjana Masyarakat Gemilang* (2007). Yayasan Islam Hadhari: Purajaya
- Kamus Dewan* (1998), Edisi Baru, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Dewan* (2007), Edisi Baru, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Za'ba* (2001). Kuala Lumpur: Pustaka Antara Books Sdn Bhd.
- Lokman Ab. Rahman dan Musa Ahmad (1996). *Pengantar Sains Pengurusan Masjid*, Majlis Agama Islam Melaka dan Kolej Islam Melaka.
- M. Jusoff Taib (1995, September). Kenapa Masjid Terpencil dari Ummah?.*Dakwah*.6-7
- Masor. P dan Nurzaman (1986). *Peranan Masjid Dalam Pembinaan Umat*, CV Karya Putra.
- Miftah Faridi (1984). *Masjid*. Penerbit Pustaka: Bandung.